

Artikel

Meneroka Strategi Daya Tindak Ibu Tunggal Dalam Menangani Tekanan Kewangan
(*Exploring Single Mothers' Coping Strategies in Dealing with Financial Stress*)

Che Nurafidah Che Rasli, Zarina Md Nor, Rafisah Mat Radzi

School of Distance Education, Universiti Sains Malaysia (USM),
Malaysia

Pengarang Koresponden:

Diserah: 06 Jun 2025

Diterima: 09 Oktober 2025

Abstrak: Ibu tunggal berpendapatan rendah di Malaysia menghadapi tekanan kewangan berterusan akibat keterbatasan sumber ekonomi, yang menjejaskan kesejahteraan diri serta kestabilan sosioekonomi keluarga. Tekanan ini merangkumi kesukaran memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, pendidikan anak, serta tanggungjawab berganda sebagai pencari nafkah dan penjaga. Justeru, kajian ini dijalankan bagi meneroka strategi daya tindak yang digunakan oleh ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menangani tekanan kewangan. Kerangka konseptual kajian berasaskan lima teori utama iaitu Model Tekanan Keluarga, Teori Pemuliharaan Sumber, Teori Stres dan Daya Tindak, Teori Tingkah Laku Terancang, dan Teori Ketahanan, yang secara kolektif menjelaskan kesan tekanan ekonomi, kehilangan sumber, mekanisme penilaian kognitif, pembentukan tingkah laku kewangan, serta keupayaan bangkit semula. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan temu bual separa berstruktur melibatkan 19 informan dari Pulau Pinang dan Perak, disokong oleh penggunaan Skala *InCharge Financial Distress/Financial Well-Being* (IFDFW) untuk menilai tahap kesejahteraan kewangan. Data dianalisis melalui analisis tematik menggunakan perisian NVivo 12/14. Dapatan kajian mengenal pasti tiga strategi utama iaitu sokongan formal (agensi kerajaan, NGO, zakat), sokongan tidak formal (keluarga, rakan, komuniti), dan usaha sendiri/ kerohanian (pengurusan bajet, kerja tambahan, kekuatan kerohanian). Implikasi kajian menekankan keperluan dasar sosial yang responsif, intervensi komuniti yang inklusif, literasi kewangan, serta sokongan psikososial bagi meningkatkan daya tahan kewangan ibu tunggal di Malaysia.

Kata Kunci: tekanan kewangan; ibu tunggal; strategi daya tindak; analisis tematik; sokongan dalaman; sokongan luaran

Abstract: Low-income single mothers in Malaysia experience persistent financial stress due to limited resources, which directly affects personal well-being and family stability. This stress encompasses challenges in meeting basic needs, including food, housing, children's education, and balancing dual responsibilities as both breadwinner and caregiver. Hence, this study explores the coping strategies employed by low-income single mothers in dealing with financial stress. The conceptual framework integrates five theories namely the Family Stress Model, Conservation of Resources Theory, Stress and Coping Theory, Theory of Planned Behavior, and Resilience Theory. Together, these frameworks explain the effects of economic hardship, resource loss, cognitive appraisal, financial behavior formation, and resilience in overcoming adversity. A qualitative design was adopted using semi-structured interviews with 19 informants from Penang and Perak, supported by the use of the *InCharge Financial Distress/Financial Well-Being* (IFDFW) Scale to assess financial well-being. Data were analysed thematically using NVivo 12/14 software to identify patterns and

thematic categories. The study's findings revealed three primary coping strategies, namely formal support (government agencies, NGOs, zakat institutions), informal support (family, friends, community), and self-driven/spiritual efforts (budgeting, supplementary work, spiritual strength). The study underscores the need for responsive social policies, inclusive community interventions, financial literacy initiatives, and psychosocial support to strengthen financial resilience among low-income single mothers in Malaysia.

Keywords: financial stress; single mothers; coping strategies; thematic analysis; internal support; external support

Pengenalan

Kedudukan ekonomi semasa yang tidak menentu memberi kesan signifikan kepada golongan ibu tunggal berpendapatan rendah di Malaysia. Fenomena ini bukan sahaja terhad di Malaysia malah turut dilaporkan di pelbagai negara lain, khususnya dalam kalangan isi rumah ibu tunggal berpendapatan rendah yang berdepan kesukaran sama dalam memenuhi keperluan asas dan mengekalkan kestabilan isi rumah (Netemeyer et al., 2018; Tach & Eads, 2015; Nieuwenhuis & Maldonado, 2018). Pendapatan terhad menyukarkan mereka menampung keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan anak, selain menjejaskan kestabilan psikososial isi rumah (Netemeyer et al., 2018; Shukry et al., 2024). Menurut Kajian Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (*Household Income and Basic Amenities Survey*) 2024 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, sebahagian besar isi rumah ibu tunggal berada di bawah purata pendapatan kebangsaan, dengan purata upah yang lebih rendah berbanding lelaki. Situasi ini meningkatkan risiko kemiskinan berpanjangan, terutamanya dalam konteks pasca-pandemik yang terus memberi tekanan kepada kos sara hidup dan peluang pekerjaan (DOSM, 2024; Kosmo, 2022). Kajian antarabangsa turut mengesahkan corak serupa, di mana ibu tunggal di negara maju seperti Sweden dan Belgium masih berdepan jurang pendapatan serta risiko kemiskinan walaupun berada dalam sistem kebajikan yang lebih menyeluruh (Changyan et al., 2023; Nieuwenhuis & Maldonado, 2018). Di negara membangun seperti Zambia, penyelidikan menunjukkan bahawa status ibu tunggal boleh meningkatkan risiko kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak, sekali gus memperkukuh lagi kitaran kemiskinan rentas generasi (Kamiya, 2025). Keadaan ini mencerminkan kerentanan ekonomi berterusan dan menuntut strategi penyesuaian yang efektif untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan keluarga.

Selain tekanan kewangan, ibu tunggal turut menghadapi cabaran sosial dan psikologi yang kompleks. Banci Penduduk 2020 melaporkan lebih daripada 900,000 ibu tunggal di Malaysia, kebanyakannya berdepan kesukaran selepas perceraian, kematian pasangan, atau ketiadaan nafkah anak (Mulia, 2017; Nor et al., 2018). Mereka sering terkesan oleh stigma, rasa terasing, dan akses terhad kepada bantuan rasmi, menjejaskan kesejahteraan emosi serta peluang pendidikan anak-anak (Tach & Eads, 2015; Changyan et al., 2023; Shukry et al., 2024). Dapatan di peringkat antarabangsa juga menunjukkan bahawa stigma, pengasingan sosial, dan akses terhad kepada bantuan rasmi merupakan isu sejagat yang mengancam kesejahteraan emosi serta pencapaian pendidikan anak-anak (Tach & Eads, 2015; Changyan et al., 2023; Harknett & Hartnett, 2011). Sebagai contoh, kajian di Kenya melaporkan bahawa ibu tunggal masih mengalami tekanan emosi meskipun mendapat sokongan keluarga, disebabkan oleh ketiadaan sokongan daripada bapa kanak-kanak (Clark et al., 2024). Keadaan ini menunjukkan bahawa cabaran yang dihadapi ibu tunggal bukan sahaja berkaitan dengan aspek ekonomi, tetapi juga merangkumi dimensi sosial dan psikologi, sejajar model Model Tekanan Keluarga (*Family Stress Model*) dan Teori Pemuliharaan Sumber (*Conservation of Resources Theory*) yang menekankan kepentingan sumber material, sosial, dan psikologi dalam menangani tekanan kehidupan.

Bagi menghadapi cabaran tersebut, ibu tunggal mengaplikasikan pelbagai strategi penyesuaian untuk mengekalkan kelangsungan hidup keluarga. Antara pendekatan yang dikenal pasti termasuk penglibatan dalam aktiviti keusahawanan kecil, memanfaatkan jaringan sokongan komuniti, serta mengamalkan pendekatan kerohanian sebagai sumber ketahanan diri (Ali & Akhtar, 2023; Ramli et al., 2023; Mohamad & Fatmawati, 2020). Walau bagaimanapun, keterbatasan simpanan kewangan, ketidakstabilan pekerjaan, dan bilangan tanggungan anak yang ramai sering kali memburukkan lagi tahap kerentanan mereka. Kajian antarabangsa turut melaporkan corak serupa, apabila ibu tunggal berpendapatan rendah menggunakan strategi

daya tindak berasaskan sokongan sosial, aktiviti ekonomi tidak formal, dan strategi psikososial untuk mengurangkan kesan tekanan kewangan, namun tetap berdepan halangan struktur seperti akses terhadap modal, pasaran buruh yang tidak stabil, serta ketiadaan perlindungan sosial yang mencukupi (Duffy, 2022; Harknett & Hartnett, 2011; Nieuwenhuis & Maldonado, 2018). Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneroka strategi daya tindak ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menangani tekanan kewangan, dengan memberi perhatian kepada peranan faktor individu, sosial, dan institusi yang menyokong daya tahan kewangan mereka, seterusnya mengisi jurang pengetahuan dalam literatur tempatan dan antarabangsa.

Kajian Literatur

1. Cabaran Kewangan dan Sosial Ibu Tunggal

Kajian lepas menunjukkan bahawa ibu tunggal berpendapatan rendah di Malaysia berdepan tekanan kewangan dan sosial akibat kehilangan pasangan, pendapatan tidak menentu, serta kesukaran memperoleh bantuan dan sokongan (Rainis et al., 2015; Hamid & Salleh, 2012). Berdasarkan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW, 2017), ibu tunggal ditakrifkan sebagai wanita yang kehilangan pasangan kerana perceraian, kematian, atau ketiadaan sokongan aktif. Keadaan ini menempatkan mereka sebagai ketua isi rumah dan pencari nafkah utama, sekali gus meningkatkan beban ekonomi keluarga. Kekangan memenuhi keperluan asas seperti makanan, tempat tinggal, dan pendidikan anak sering menjadi punca utama tekanan kewangan (Utusan, 2018; Zainudin, 2018). Tekanan tersebut turut memberi implikasi kepada kesejahteraan psikososial, termasuk kebimbangan, kemurungan, serta konflik dalam hubungan kekeluargaan (Nor et al., 2018; Netemeyer et al., 2018; Yusof et al., 2023). Keadaan ini bertambah buruk dengan kekurangan peluang pekerjaan yang fleksibel dan sesuai dengan tanggungjawab mereka sebagai ibu tunggal (Ramli et al., 2023). Fenomena ini tidak hanya berlaku di peringkat tempatan, malah turut mencerminkan cabaran global (Cai et al., 2023).

2. Konsep dan Dimensi Kesejahteraan Kewangan


Kesejahteraan kewangan ditakrifkan sebagai keupayaan individu untuk mengurus perbelanjaan harian, menghadapi kecemasan, serta merancang kewangan masa depan dengan yakin dan terkawal (Sabri & Juen, 2014). Faktor seperti literasi kewangan, kawalan sendiri dan amalan kewangan dilaporkan memberi kesan signifikan terhadap tahap kesejahteraan (Soh et al., 2017; Netemeyer et al., 2018). Bagi ibu tunggal, tekanan kewangan berterusan berpotensi mengganggu fungsi tersebut, sekali gus menjejaskan kesejahteraan keseluruhan. Kajian antarabangsa turut menegaskan bahawa kerentanan kewangan ibu tunggal bukan sahaja memberi implikasi kepada kesejahteraan mereka, tetapi juga terhadap kesihatan dan pemakanan anak-anak di negara membangun (Kamiya, 2025), serta meningkatkan tekanan psikososial akibat beban kewangan di negara maju seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom (Meier & Musick, 2022).

3. Strategi Daya Tindak Kewangan Ibu Tunggal

Ibu tunggal menggunakan pelbagai strategi daya tindak merangkumi pendekatan berfokus kepada masalah, emosi, sosial dan kerohanian (Folkman & Moskowitz, 2004; Nor et al., 2023). Antara strategi dominan ialah pekerjaan sampingan, perniagaan kecil, sokongan daripada ahli keluarga, serta sokongan formal daripada agensi kerajaan, NGO, institusi zakat dan program kebajikan lain (Hamid & Salleh, 2013; Isahak et al., 2009; Shukry et al., 2024; Mohamad & Fatmawati, 2020; Mohd Salleh et al., 2012). Selain itu, strategi berasaskan kerohanian turut dikenal pasti sebagai mekanisme penting dalam mengawal tekanan emosi dan kewangan, selaras dengan dapatan meta-analisis yang menunjukkan *religious coping* mampu meningkatkan penyesuaian psikologi terhadap tekanan (Ano & Vasconcelles, 2005) serta kajian integratif yang menegaskan peranan pembentukan makna dalam menstabilkan kesejahteraan ketika berdepan peristiwa hidup yang mencabar (Park, 2010). Walau bagaimanapun, masih kurang kajian kualitatif yang meneliti strategi daya tindak kewangan ibu tunggal secara naratif (Heflin & Iceland, 2009). Sebahagian besar kajian terdahulu, seperti Ramli et al. (2023) dan Talib et al. (2023), menekankan pendekatan kuantitatif serta hubungan statistik tanpa menelusuri pengalaman hidup secara mendalam.

4. Kerangka Teori

Kajian ini berlandaskan lima teori utama yang digabungkan untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang bagaimana ibu tunggal berpendapatan rendah berdepan tekanan kewangan serta strategi daya tindak yang dipilih. Model Tekanan Keluarga (Conger & Elder, 1994) menunjukkan bahawa tekanan ekonomi seperti pendapatan rendah, beban tanggungan dan konflik peranan boleh menjejaskan kestabilan keluarga. Seterusnya, Teori Pemuliharaan Sumber (Hobfoll, 1989) menjelaskan bahawa kehilangan kewangan, tenaga atau sokongan sosial menjadi pencetus stres. Teori Stres dan Daya Tindak (Lazarus & Folkman, 1984) pula menegaskan bahawa tindak balas individu bergantung pada penilaian kognitif sama ada melalui strategi berfokus masalah atau emosi. Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991) menyoroti bagaimana sikap, norma serta kawalan diri membentuk niat kewangan seperti pengurusan bajet atau keusahawanan. Akhir sekali, Teori Ketahanan (Masten, 2001) menekankan kemampuan untuk pulih melalui sokongan sosial, kerohanian dan keyakinan diri. Kelima-lima teori ini saling melengkapi dalam menjelaskan tekanan kewangan ibu tunggal, dengan menunjukkan bahawa niat kewangan dipengaruhi oleh sikap, norma dan kawalan. Dengan strategi daya tindak serta sokongan daya tahan, mereka berupaya mengurus kewangan sehingga mencapai kesejahteraan kewangan.



Rajah 1. Gabungan kerangka teori

Metodologi

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes berasaskan pendekatan kualitatif dengan sokongan data kuantitatif deskriptif untuk meneliti strategi daya tindak ibu tunggal berpendapatan rendah dalam menghadapi tekanan kewangan. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan pemahaman yang mendalam terhadap naratif dan pengalaman autentik informan (Creswell & Poth, 2018). Sebagai tambahan, komponen kuantitatif melibatkan penggunaan Indeks Tekanan/Kesejahteraan Kewangan (*Index of Financial Distress/Well-being*, IFDW) untuk menilai tahap kesejahteraan kewangan mereka.

2. Pemilihan Informan dan Lokasi

Seramai 19 informan dipilih melalui persampelan bertujuan dengan kriteria: (i) ibu tunggal akibat perceraian, kematian atau ditinggalkan; (ii) tergolong dalam kumpulan B40; (iii) mempunyai pengalaman menguruskan tekanan kewangan. Saiz sampel ditentukan berasaskan prinsip ketepatan data, iaitu pengumpulan dihentikan apabila tiada lagi maklumat baharu muncul (Guest et al., 2006). Rekrutmen dilaksanakan melalui kerjasama agensi kebajikan, NGO dan pemimpin komuniti selain menggunakan kaedah *snowball* untuk memastikan kepelbagaian profil informan (Naderifar et al., 2017).

Kajian dilakukan di Pulau Pinang dan Perak. Pulau Pinang mewakili konteks bandar dengan kos sara hidup tinggi serta akses kepada sumber formal (DOSM, 2024), manakala Perak mencerminkan gabungan bandar dan luar bandar dengan jaringan sosial komuniti lebih rapat. Pemilihan kedua-dua lokasi ini membolehkan perbandingan strategi daya tindak dalam konteks sosioekonomi yang berbeza (Yusof et al., 2023).

3. Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian diperoleh melalui dua kaedah utama. Pertama, temu bual separa berstruktur dijalankan untuk meneroka pengalaman serta strategi daya tindak ibu tunggal berpendapatan rendah. Kedua, soal selidik menggunakan *InCharge Financial Distress/Well-Being Scale* (Prawitz et al., 2006) digunakan untuk menilai tahap tekanan serta kesejahteraan kewangan.

Berdasarkan Jadual 1, instrumen kajian mengandungi tiga bahagian: (i) 14 item berkaitan latar belakang informan; (ii) lima soalan temu bual yang menumpukan kepada strategi dan pengalaman daya tindak; dan (iii) lapan item skala IFDW. Reka bentuk ini membolehkan pengumpulan data secara menyeluruh, meliputi dimensi demografi, psikologi dan tingkah laku kewangan.

Jadual 1. Ringkasan instrumen

Bahagian Instrumen	Kandungan Soalan	Tujuan Pengumpulan Data
Latar belakang informan	14 item berkaitan umur, status perkahwinan, pekerjaan, dll.	Mengenal pasti profil sosiodemografi informan
Temu bual separa berstruktur	5 item berkaitan strategi dan pengalaman daya tindak	Meneroka strategi tindak balas terhadap tekanan kewangan
Skala IFDW	8 item skala tekanan dan kesejahteraan kewangan	Mengukur tahap tekanan dan kesejahteraan kewangan

4. Prosedur dan Analisis Data

Temu bual bersemuka dirakam, ditranskripsikan, dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik (Braun & Clarke, 2006) dengan bantuan perisian NVivo 12/14 bagi mengenal pasti pola, membentuk kod, serta merumuskan tema utama (Alhojailan & Ibrahim, 2012). Semakan berulang kali terhadap transkrip dilakukan untuk memastikan ketepatan interpretasi (Vaismoradi et al., 2016). Data kuantitatif daripada *InCharge Financial Distress/Well-Being Scale* dianalisis secara manual menggunakan statistik deskriptif termasuk min dan peratusan.

5. Etika Penyelidikan

Kajian ini dijalankan mengikut garis panduan etika, termasuk kelulusan Jabatan Etika Penyelidikan dan Pemantauan (JEPeM) persetujuan dimaklumkan oleh informan, serta kerahsiaan maklumat informan. Pendekatan gabungan membolehkan pemahaman secara menyeluruh mengenai realiti kewangan dan sokongan sosial ibu tunggal berpendapatan rendah.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Kajian ini mengenal pasti tiga dapatan utama, iaitu (i) profil sosio-demografi informan, (ii) strategi daya tindak kewangan yang digunakan, dan (iii) tahap tekanan kewangan berdasarkan Skala *InCharge*. Analisis terhadap latar sosio-demografi menunjukkan bahawa majoriti ibu tunggal berada dalam kategori miskin tegar, berpendapatan rendah, serta tidak memiliki pekerjaan tetap. Keadaan ini menyebabkan mereka menanggung beban kewangan yang tinggi, terutamanya akibat bilangan tanggungan yang ramai serta ketiadaan sokongan kewangan formal. Corak ini menunjukkan mengapa golongan ibu tunggal memerlukan strategi penyesuaian yang lebih berkesan dan sokongan bersepadu bagi memastikan kelangsungan hidup isi rumah mereka.

Dapatan kajian turut menonjolkan tiga bentuk utama strategi daya tindak, iaitu sokongan formal, jaringan tidak formal, serta usaha sendiri termasuk pendekatan kerohanian. Sokongan formal merangkumi bantuan daripada agensi kerajaan atau pertubuhan bukan kerajaan, yang membantu meringankan beban kewangan walaupun tahap keberkesanannya bergantung kepada kekerapan dan kesesuaian bantuan. Sokongan tidak formal pula datang daripada ahli keluarga, rakan-rakan, dan komuniti setempat, yang sering berperanan sebagai barisan pertama dalam memberi bantuan segera, sama ada dalam bentuk kewangan, barangan harian, atau sokongan emosi. Sementara itu, usaha sendiri merujuk kepada inisiatif ibu tunggal seperti menjalankan aktiviti keusahawanan kecil-kecilan, melakukan kerja sambilan, serta mengamalkan strategi kerohanian sebagai sumber kekuatan psikologi.

Analisis mendalam menunjukkan bahawa strategi-strategi ini bukan sahaja mencerminkan keupayaan penyesuaian terhadap kekangan ekonomi, tetapi juga menegaskan peranan interaksi antara faktor individu, sosial, dan institusi dalam membentuk daya tahan kewangan. Mekanisme daya tindak ini dilihat sejajar dengan dapatan kajian antarabangsa yang menekankan kepentingan jaringan sosial, sokongan formal, dan keupayaan sendiri dalam membantu ibu tunggal mengatasi tekanan kewangan (Cai et al., 2023; Shukry et al., 2024). Dalam konteks tempatan, strategi yang dikenal pasti juga menunjukkan bahawa meskipun keterbatasan ekonomi mengekang pilihan mereka, daya tahan dapat dibina melalui kombinasi usaha peribadi, sokongan komuniti, serta bantuan berinstitusi yang konsisten.

1. Analisis Sosio-Demografi Informan

Berdasarkan Jadual 2, seramai 19 ibu tunggal berpendapatan rendah terlibat dalam kajian ini, dengan 57.9% berasal dari Perak dan 42.1% dari Pulau Pinang. Informan menetap di kawasan bandar, kampung, dan pinggir bandar. Hampir separuh (47.4%) berusia antara 30–40 tahun, manakala selebihnya berada dalam lingkungan usia 41–80 tahun. Dari segi etnik, majoriti adalah Melayu (68.4%), diikuti India (26.3%) dan Dusun (5.3%), dengan sebahagian besar beragama Islam (73.7%). Status perkahwinan menunjukkan 68.4% balu, 21.1% janda, dan 10.5% berpisah atau dalam hubungan tidak formal. Tahap pendidikan pula sederhana rendah, dengan 42.1% tamat SPM dan 36.8% hanya bersekolah rendah.

Sebahagian besar bekerja dalam sektor tidak formal: 31.6% melakukan kerja sambilan, 26.3% berniaga kecil, dan 21.1% bekerja di sektor swasta. Seramai 15.8% tidak mempunyai pekerjaan tetap dan bergantung kepada bantuan. Hampir separuh (47.4%) berpendapatan RM300–600 sebulan, manakala 94.7% tergolong dalam kategori miskin tegar. Kebanyakan mempunyai 3–4 anak (63.2%) serta menanggung ahli keluarga lain. Tempoh menjadi ibu tunggal berbeza, dengan 36.8% mengalaminya selama 6–10 tahun. Dari aspek kesihatan, 52.6% dilaporkan menghidap penyakit kronik seperti diabetes dan hipertensi.

Jadual 2. Taburan informan mengikut ciri-ciri asas

		n	%
Negeri			
	Pulau Pinang	8	42.1
	Perak	11	57.9
Lokasi tempat tinggal			
	Bandar, Pulau Pinang	8	42.1
	Bandar, Perak	2	10.5
	Pinggir Bandar, Perak	1	5.3
	Kampung, Perak	8	42.1
Umur			
	30 – 40 tahun	9	47.4
	41 – 50 tahun	4	21.1
	51 – 60 tahun	1	5.3
	61 – 70 tahun	2	10.5
	71 – 80 tahun	3	15.8
Kaum			
	Melayu	13	68.4
	India	5	26.3
	Dusun	1	5.3
Agama			
	Islam	14	73.7
	Hindu	4	21.1
	Kristian	1	5.3
Status			
	Balu	13	68.4
	Janda	4	21.1
	Berpisah	1	5.3
	Lain-lain	1	5.3
Pendidikan			
	Sekolah rendah	7	36.8
	SRP/ PMR	2	10.5
	SPM	8	42.1
	Diploma	1	5.3
	Profesional (ICSA)	1	5.3
Pekerjaan			
	Pekerja swasta	4	21.1
	Agen pelaburan	1	5.3
	Berniaga	5	26.3
	Kerja sampingan	6	31.6
	Tiada pekerjaan tetap	3	15.8
Pendapatan (RM)			
	300 - 600	9	47.4
	601 - 900	4	21.1
	901 – 1,200	4	21.1
	Tiada pendapatan sendiri	2	10.5
Kategori mengikut pendapatan paras kemiskinan 2022			
	Miskin (RM2,589)	1	5.3
	Miskin tegar(RM1,198)	18	94.7
Bilangan anak			
	1 – 2	6	31.6
	3 – 4	6	31.6
	5 – 6	3	15.8
	7 – 8	2	10.5
	9 – 10	2	10.5
Bilangan tanggungan			
	1 – 2	2	10.5
	3 – 4	12	63.2
	5 – 6	3	15.8
	7 – 8	1	5.3
	Tiada tanggungan	1	5.3

Tempoh menjadi ibu tunggal			
	1 – 5 tahun	5	26.3
	6 – 10 tahun	7	36.8
	11 – 15 tahun	4	21.1
	16 – 20 tahun	2	10.5
	21 – 25 tahun	1	5.3
Kesihatan			
	Tiada masalah kesihatan	9	47.4
	Ada masalah kesihatan	10	52.6
(N=19)			

2. Analisis Strategi Daya Tindak Ibu Tunggal Berpendapatan Rendah

Berdasarkan Jadual 3, hasil analisis tematik mendapati bahawa ibu tunggal berpendapatan rendah mengaplikasikan tiga strategi utama dalam menangani tekanan kewangan harian. Tema pertama ialah strategi sokongan formal yang melibatkan akses kepada bantuan daripada agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan (NGO), serta institusi kebajikan rasmi. Sokongan ini berbentuk bantuan kewangan bulanan, keperluan asas, sokongan pendidikan anak, dan kemudahan pinjaman mikro untuk menambah pendapatan. Tema kedua ialah strategi sokongan tidak formal yang lebih bergantung pada jaringan sosial seperti keluarga, jiran, rakan, atau majikan. Walaupun bentuk bantuan ini tidak konsisten, ia amat penting untuk menyediakan kelegaan segera sama ada dalam bentuk material atau sokongan emosi yang dapat mengurangkan tekanan psikososial. Tema ketiga pula merujuk kepada strategi sendiri dan kerohanian, yang memperlihatkan usaha responden menyesuaikan diri melalui pengurusan kewangan yang lebih berhati-hati, mengambil kerja tambahan atau memulakan perniagaan kecil, serta mengamalkan pendekatan kerohanian seperti doa, solat, dan tawakal. Secara keseluruhan, ketiga-tiga strategi ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme kelangsungan hidup, malah turut memperkukuhkan daya tahan psikologi ibu tunggal dalam menghadapi cabaran kewangan.


Jadual 3. Corak strategi daya tindak ibu tunggal (N=19)

		n	%
Sokongan Luaran (Bantuan formal)			
	JKM	9	47.4
	Bantuan kerajaan: Pencen/BSH/ sekolah	8	42.1
	NGO	8	42.1
	Persatuan Ibu Tunggal	8	42.1
	Pinjaman mikro (AIM)/ peribadi	7	36.8
	PERKESO	6	31.6
	Zakat	4	21.1
	Baitulmal	2	10.5
	Yayasan Perak/ JAIP	2	10.5
	Pinjaman/ biasiswa pelajaran	2	10.5
	JKKK/ Kariah Masjid	2	10.5
	Lain-lain	2	10.5
	Felda	1	5.3
	Latihan kemahiran (AIM/ RISDA)	1	5.3
Nilai bantuan (RM)			
	100 - 500	8	42.1
	501 -1,000	4	21.1
	1,001 - 1,500	2	10.5
	1,501 – 2,000	1	5.3
	Tiada	4	21.1
Sokongan Dalaman			
(Bantuan tidak formal)			
	Keluarga	13	68.4
	Kawan	9	47.4
	Guru	3	15.8
	Jiran	2	10.5
	Majikan	1	5.3
	Ceti haram (Ah Long)	1	5.3

Sokongan sendiri/kreatif/spiritual	Bajet sendiri	15	78.9
	Kerja sampingan	11	57.9
	Sembahyang/ berdoa/ tawakal/ redha	6	31.6
	Perniagaan	5	26.3
	Mengeluarkan/ menggadai/memajak aset	3	15.8
	Pelaburan	1	5.3

Rajah 2 memperlihatkan peratusan strategi daya tindak yang diaplikasikan oleh ibu tunggal berpendapatan rendah berdasarkan tiga kategori utama iaitu sokongan formal, sokongan tidak formal, dan strategi sendiri/kerohanian. Analisis menunjukkan sokongan formal merupakan strategi paling dominan (52%), merangkumi bantuan daripada agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), institusi zakat, serta organisasi bukan kerajaan (NGO). Kebergantungan kepada sumber ini menegaskan peranan sistem kebajikan dalam meringankan beban kewangan. Sementara itu, 24% informan bergantung kepada sokongan tidak formal, termasuk keluarga, rakan, jiran, dan majikan. Walaupun tidak tersusun secara institusi, bentuk bantuan ini tetap penting sebagai sokongan segera, sama ada material atau emosi. Selebihnya, 24% menggunakan strategi sendiri dan kerohanian, melibatkan amalan pengurusan kewangan seperti bajet, kerja sampingan, perniagaan kecil, serta penghayatan nilai kerohanian melalui sembahyang dan doa. Strategi ini mencerminkan usaha individu berasaskan kekuatan dalaman dan ketahanan rohani.

Secara keseluruhan, ketiga-tiga strategi ini saling melengkapi, memperlihatkan bahawa daya tindak ibu tunggal berpendapatan rendah terbentuk melalui gabungan sokongan formal, jaringan sosial, dan inisiatif sendiri/ kerohanian.



Rajah 2. Peratusan corak strategi daya tindak ibu tunggal


Sokongan Luaran: Bantuan Formal

Berdasarkan Jadual 3, hasil kajian menunjukkan bahawa ibu tunggal berpendapatan rendah memperoleh pelbagai bentuk bantuan formal daripada agensi kerajaan, NGO, institusi agama, serta komuniti. Bantuan paling utama datang daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (47.4%) yang merangkumi pemberian tunai dan barangan asas, diikuti dengan sokongan lain seperti pencen, Bantuan Sara Hidup (BSH), serta bantuan persekolahan (42.1%). Sumbangan daripada NGO dan Persatuan Ibu Tunggal turut dicatatkan oleh 42.1% informan. Selain itu, 36.8% daripada mereka bergantung kepada pinjaman mikro atau peribadi untuk memenuhi keperluan mendesak atau sebagai modal perniagaan, manakala 31.6% menerima perlindungan daripada PERKESO. Bantuan zakat hanya dinikmati oleh 21.1% informan, manakala sokongan daripada Baitulmal, Yayasan Perak, Jabatan Agama Islam Perak (JAIP), dan kariah masjid amat terbatas. Penyertaan dalam program berasaskan pembangunan mampan seperti latihan kemahiran didapati rendah, dengan hanya seorang informan (5.3%) menyertai program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) atau Pihak Berkuasa Kemajuan

Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Secara keseluruhan, pola ini memperlihatkan bahawa bantuan formal lebih tertumpu kepada bentuk kebajikan jangka pendek, sedangkan sokongan yang berorientasikan kelestarian ekonomi masih kurang diakses. Walaupun skim bantuan kerajaan, zakat, NGO, dan mikro kredit menjadi sumber penting, ia sering dibatasi oleh masalah birokrasi dan cabaran akses. Dapatan ini dapat dijelaskan melalui Model Tekanan Keluarga (Conger & Elder, 1994), yang menegaskan bahawa kekangan ekonomi berpotensi menjejaskan fungsi keluarga, namun kewujudan sokongan formal mampu mengurangkan tekanan pengasuhan. Penemuan ini juga konsisten dengan hasil kajian terdahulu oleh Hamid dan Salleh (2013), Isahak et al. (2009), serta Shukry et al. (2024).

Nilai Bantuan Kewangan Diterima

Rajah 3 menunjukkan bahawa jumlah bantuan kewangan yang diterima oleh ibu tunggal berpendapatan rendah tidak seragam. Seramai lapan informan (42.1%) menerima bantuan antara RM100 hingga RM500 sebulan, manakala empat orang (21.1%) menerima antara RM501 hingga RM1,000. Hanya tiga orang (15.8%) memperoleh bantuan melebihi RM1,000, dan seorang informan (5.3%) menerima antara RM1,501 hingga RM2,000. Selain itu, empat informan (21.1%) tidak menerima sebarang bentuk bantuan disebabkan faktor-faktor seperti ketidaklayakan, kekangan dokumentasi, atau keengganan memohon. Dapatan ini menunjukkan kebergantungan tinggi terhadap bantuan kewangan luar, namun pada masa yang sama mendedahkan ketidakseimbangan nilai bantuan yang diberikan. Selain itu, ia menekankan bahawa bentuk bantuan kebajikan sementara mempunyai impak yang terhad terhadap kelangsungan hidup dan pembangunan ekonomi jangka panjang ibu tunggal.



Rajah 3. Bilangan penerima bantuan kewangan mengikut julat nilai bantuan (N=19)

Sokongan Tidak Formal

Jadual 3 juga memperlihatkan bahawa selain daripada bantuan formal, sebahagian besar informan turut bergantung kepada sokongan tidak formal, khususnya daripada keluarga (68.4%), yang memberikan bantuan kewangan, tempat tinggal, penjagaan anak, serta sokongan moral. Rakan-rakan juga memainkan peranan penting (47.4%) melalui pemberian tunai kecil, peluang pekerjaan, dan sokongan emosi, manakala guru (15.8%), jiran (10.5%), dan majikan (5.3%) terlibat dalam skala yang lebih kecil. Namun, seorang informan dilaporkan terpaksa mendapatkan pinjaman daripada ceti haram (Ah Long), yang menggambarkan risiko apabila jaringan sosial sedia ada tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas.

Dapatan ini menunjukkan bahawa sokongan tidak formal berfungsi sebagai jaringan keselamatan sosial yang melengkapi bantuan formal. Keberkesanan bentuk sokongan ini bagaimanapun, bergantung pada kekuatan hubungan interpersonal dan tahap solidariti komuniti setempat. Penjelasan ini sejajar dengan Teori Pemuliharaan Sumber (Hobfoll, 1989) yang menekankan usaha menggantikan sumber yang hilang, serta Teori Stres dan Daya Tindak (Lazarus & Folkman, 1984) yang menggariskan peranan rangkaian sosial sebagai

strategi emosi. Penemuan ini turut konsisten dengan kajian Rainis et al. (2015), Mulia (2017), dan Cai et al. (2023) yang menegaskan bahawa faktor budaya dan norma komuniti mempengaruhi tahap keberkesanan jaringan tidak formal dalam menyokong kelangsungan hidup ibu tunggal berpendapatan rendah.

4. Strategi Kendiri, Kreatif dan Kerohanian

Jadual 3 turut menunjukkan bahawa sebahagian besar ibu tunggal berpendapatan rendah mempraktikkan inisiatif sendiri dan menunjukkan daya tahan tinggi dalam menangani cabaran kewangan melalui pendekatan ekonomi dan kerohanian. Seramai 15 informan (78.9%) melaporkan bahawa mereka mengurus bajet peribadi secara sistematik dengan merekod perbelanjaan harian, menghadkan pembelian kepada keperluan asas, serta mengamalkan sikap berjimat cermat. Sebanyak 11 orang (57.9%) menjalankan kerja sampingan seperti menjahit, mengurut, mencuci rumah, menoreh getah, atau berniaga kecil-kecilan. Selain itu, enam informan (31.6%) menekankan amalan kerohanian seperti solat, doa, dan tawakal sebagai sumber ketenangan emosi. Beberapa informan turut mengadaptasi strategi lain seperti menjual aset (15.8%) atau memajak barang kemas dan melabur kecil-kecilan (5.3%).

Strategi sendiri ini dapat dikategorikan kepada tiga bentuk utama: pengurusan bajet, kerja tambahan, dan amalan kerohanian. Penemuan ini sejajar dengan kerangka Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991), yang menekankan peranan sikap, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku dalam membentuk niat kewangan. Pada masa sama, dapatan ini selari dengan Teori Ketahanan (Masten, 2001), yang menegaskan bahawa kekuatan dalaman serta sokongan bukan material merupakan elemen penting dalam proses penyesuaian terhadap tekanan hidup.

Dimensi kerohanian yang ditekankan oleh sebahagian informan memperlihatkan bahawa strategi berbentuk agama atau kerohanian bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme penenang emosi, tetapi juga meningkatkan rasa harapan dan makna hidup ketika berdepan kesukaran kewangan. Kajian antarabangsa turut mendapati bahawa *religious coping* berperanan penting dalam mengurangkan tekanan psikologi dalam kalangan ibu tunggal dan golongan rentan lain (Ano & Vasconcelles, 2005; Park, 2010). Strategi ini bertindak sebagai sumber kekuatan dalaman yang membantu individu mengekalkan kestabilan emosi dan motivasi, serta melengkapkan pendekatan ekonomi yang lebih bersifat praktikal. Penekanan terhadap aspek rohani dalam dapatan kajian ini selaras dengan penemuan Zakaria et al. (2024) dan Shukry et al. (2024) di Malaysia, yang menunjukkan bahawa amalan kerohanian memberi kesan positif terhadap kesejahteraan emosi serta meningkatkan keupayaan daya tindak ibu tunggal berpendapatan rendah.

Secara keseluruhan, hasil kajian ini memperlihatkan bahawa majoriti ibu tunggal berpendapatan rendah mengamalkan strategi penyesuaian yang bersifat aktif dan adaptif. Pendekatan ini bukan sahaja merangkumi inisiatif ekonomi melalui kerja sampingan dan pengurusan kewangan yang lebih kreatif, tetapi turut diperkukuh oleh amalan kerohanian yang memberikan kestabilan emosi dan ketenangan dalaman. Strategi ini sejajar dengan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991) yang menekankan pengaruh sikap, norma sosial, dan kawalan tingkah laku terhadap niat kewangan, serta Teori Ketahanan (Masten, 2001) yang menegaskan keupayaan individu untuk bangkit dan menyesuaikan diri apabila berdepan kesulitan melalui gabungan sumber material dan bukan material. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun berdepan kekangan ekonomi yang ketara, ibu tunggal mampu memanfaatkan sumber yang ada secara optimum bagi mengekalkan kelangsungan hidup dan kesejahteraan keluarga.

3. Strategi Daya Tindak Berdasarkan Tema, Petikan dan Interpretasi

Bagi memperkukuh pemahaman terhadap strategi daya tindak yang dikenal pasti, Jadual 4 mempersembahkan ringkasan tema utama beserta petikan terpilih daripada informan dan tafsiran penyelidik. Penyusunan ini membolehkan data kualitatif dianalisis secara lebih sistematik, sekali gus menjelaskan bagaimana pengalaman subjektif ibu tunggal diterjemahkan kepada tindakan adaptif dalam menghadapi tekanan kewangan.

Jadual 4. Strategi daya tindak berdasarkan tema, petikan dan interpretasi

Tema	Petikan	Interpretasi
Tema1: Sokongan Formal	<i>“Jabatan Kebajikan Masyarakat, sudah mohon. Dia bagi RM200 sebulan. Untuk anak, itu untuk anak sebab ada 2 orang kan. Dia bagi RM100 seorang.”</i> (Informan 1, Pengawal Keselamatan, 56 tahun) <i>“JKM dan Pertubuhan Kebajikan Seri Cahaya (NGO: makanan asas) sahaja yang bagi. yang lain tak ada”</i> (Informan 3, Jururawat, 43 tahun)	Sokongan formal berbentuk bantuan tunai dan barangan asas menjadi sumber pendapatan tetap
Tema 2: Sokongan Tidak Formal	<i>“Kakak lah, ada sikit-sikit, dia tolong, macam mak kak pun bukan orang senang, mereka pun susah tinggal di kampung, kita pun tak mahu bebankan ibu bapa kita”</i> (Informan 2, Tukang Urut, 36 tahun) <i>“Kadang-kadang ada juga jiran dekat rumah pernah tolong bagi duit sikit untuk belanja nak makan. Dan ada juga kawan suami beli apa-apa bagi dekat anak-anak. Lepas itu saya pergi kerja jalan kaki apa semua dan anak dekat rumah kawan tolong jaga (mengasuh)”</i> (Informan 18, Promoter, 36 tahun)	Komuniti setempat dan keluarga memainkan peranan penting sebagai sokongan tidak formal
Tema 3: Daya Tindak Kendiri/ Kreatif/ Rohani	<i>“Kami berjimat cermat. Kalau rasa macam makan tu, macam anak dia dah faham bila nak makan, kita tak boleh makan di luar, kena makan di rumah.”</i> (Informan 19, Peniaga, 36 tahun) <i>“Saya sangat percaya Tuhan, Tuhan ada. Saya hari-hari pergi rumah sembahyang. Pergi kuil sembahyang, ambil ‘kuasa’</i> (Informan 3, Jururawat, 43 tahun)	Pengurusan bajet dan amalan kerohanian memberi kekuatan emosi dan kecekapan kewangan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa ibu tunggal berpendapatan rendah menghadapi cabaran kewangan yang kompleks dan berlapis. Mereka mengaplikasikan pelbagai strategi daya tindak yang dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran. Walaupun terdapat informan yang berjaya membina sistem sokongan kewangan sendiri melalui aktiviti keusahawanan dan sokongan keluarga, sebahagian besar masih bergantung kepada bantuan kebajikan serta masih tergolong dalam kategori berisiko tinggi dari segi kesejahteraan kewangan.

4. Keputusan Skala *InCharge* Tekanan Kewangan/ Kesejahteraan Kewangan

Dapatan kajian menunjukkan tahap tekanan kewangan dalam kalangan informan adalah tinggi. Sebahagian besar melaporkan ketiadaan simpanan, kesukaran memenuhi keperluan asas, serta kebimbangan berterusan dalam mengurus kewangan harian. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, seramai 26.3% berada pada tahap tekanan yang melampau, manakala 52.6% pula berada pada tahap tekanan tinggi. Faktor utama yang menyumbang kepada keadaan ini termasuk bilangan tanggungan anak yang ramai, usia yang masih muda, serta pekerjaan yang tidak stabil. Hasil ini selari dengan kajian Shukry et al. (2024) yang mendapati ibu tunggal B40 sering berada dalam tekanan kewangan kerana sumber pendapatan yang terhad tidak seimbang dengan tanggungan ekonomi keluarga.

Dari segi kepuasan kewangan, lebih separuh (52.6%) melaporkan tahap sederhana, manakala 26.3% tidak berpuas hati sama sekali. Semua informan menyatakan kebimbangan terhadap kedudukan kewangan mereka; 26.3% mengakui sangat bimbang, 73.7% kadangkala bimbang, dan tiada seorang pun berasa benar-benar selesa dengan keadaan semasa. Bagi perbelanjaan bulanan, 57.9% sentiasa bimbang, kecuali seorang warga emas (5.3%) yang mendapat sokongan anak-anak dan tidak lagi menghadapi tekanan yang serupa. Hal ini konsisten dengan dapatan Changyan et al. (2023) yang menekankan bahawa jaringan sokongan keluarga mampu mengurangkan tekanan ekonomi ibu tunggal, terutama dalam kalangan warga emas yang tidak lagi bekerja.

Selain itu, sebanyak 68.4% informan tidak yakin mampu berupaya menyediakan RM1,000 sekiranya berlaku kecemasan kewangan. Keadaan ini menunjukkan keterbatasan daya tahan kewangan (*financial resilience*) dalam kalangan ibu tunggal berpendapatan rendah, sekali gus mengesahkan bahawa mereka berada

pada tahap kerentanan ekonomi yang tinggi. Kelemahan ini memberi implikasi kepada aspek sosial; hampir separuh (47.4%) tidak dapat mengambil bahagian dalam aktiviti sosial, manakala 21.1% langsung tidak mempertimbangkan aktiviti tersebut kerana kekangan kewangan. Lebih separuh (57.9%) pula mengakui hidup dari gaji ke gaji tanpa sebarang simpanan lebihan. Dapatan ini menepati penjelasan Model Tekanan Keluarga, iaitu tekanan kewangan yang berpanjangan meningkatkan risiko konflik psikososial dalam keluarga, termasuk pengasingan sosial, beban pengasuhan, dan penurunan kesejahteraan emosi.

Walaupun hampir 80% responden berada dalam kategori tekanan kewangan serius, terdapat juga segelintir yang lebih stabil melalui sumber alternatif seperti pencen, bantuan PERKESO, atau pendapatan daripada perniagaan kecil. Variasi ini menunjukkan bahawa tahap tekanan kewangan tidak seragam, sebaliknya dipengaruhi oleh ketersediaan sumber, kemampuan menjana pendapatan tambahan, dan sokongan daripada institusi formal atau keluarga. Hal ini sejajar dengan Teori Pemuliharaan Sumber yang menegaskan bahawa kehilangan sumber tanpa sokongan mencukupi boleh meningkatkan tekanan dan konflik psikososial, namun ketahanan (*resilience*) serta kemahiran kewangan mampu mengekalkan kesejahteraan subjektif.

Secara keseluruhan, dapatan ini mengesahkan bahawa ibu tunggal berpendapatan rendah merupakan kumpulan yang paling terdedah kepada kerentanan ekonomi. Tekanan kewangan bukan sahaja berpunca daripada pendapatan yang tidak mencukupi, tetapi juga dipengaruhi oleh cabaran dalam mengakses bantuan, tanggungjawab pengasuhan yang berat, stigma sosial, dan beban hutang. Walau bagaimanapun, terdapat juga informan yang masih mampu mengekalkan tahap kepuasan hidup tertentu, menunjukkan bahawa faktor daya tindak individu dan sokongan sosial terus memainkan peranan penting dalam menyeimbangi cabaran kewangan yang dihadapi.

Jadual 5. Skala *incharge* tekanan kewangan/ kesejahteraan kewangan (N=19)

Soalan		Skala	n	%
1	Apakah paras tekanan kewangan yang anda rasai pada <u>hari ini</u> ?			
	Tekanan melampau	1-3	5	26.3
	Tekanan tinggi	4-6	10	52.6
	Tekanan rendah	7-8	2	10.5
	Tiada tekanan langsung	9-10	2	10.5
2	Tingkat kepuasan anda terhadap situasi kewangan anda <u>pada masa ini</u> nombor '1' langsung tidak berpuashati	1-3	5	26.3
		4-6	10	52.6
		7-8	4	21.1
	nombor '10'kepuasan sepenuhnya	9-10	Tiada	Tiada
3	Bagaimana perasaan anda berkenaan dengan <u>situasi kewangan pada masa ini</u> ?			
	Rasa terlampau bimbang	1-3	5	26.3
	Kadang-kadang rasa bimbang	4-6	14	73.7
	Tidak bimbang	7-8	Tiada	Tiada
	Rasa selesa	9-10	Tiada	Tiada
4	Berapa kerapkah anda merasa bimbang tentang <u>keupayaan untuk memenuhi</u> perbelanjaan bulanan yang biasa?			
	Bimbang setiap masa	1-3	11	57.9
	Kadang-kadang bimbang	4-6	7	36.8
	Jarang bimbang	7-8	Tiada	Tiada
	Tidak pernah bimbang	9-10	1	5.3
5	Berapa yakinkah anda untuk mendapatkan wang sebanyak lebih kurang RM1,000 bagi menampung kecemasan kewangan?			
	Tidak yakin	1-3	13	68.4
	Sedikit yakin	4-6	3	15.8
	Agak yakin	7-8	3	15.8
	Sangat yakin	9-10	Tiada	Tiada
6	Berapa kerap hal sebegini berlaku kepada anda? Anda ingin makan di luar, pergi menonton wayang atau melakukan sesuatu yang lain tetapi anda <u>tidak pergi kerana tidak mampu</u> ?			
	Setiap masa	1-3	9	47.4
	Kadang-kadang	4-6	4	21.1
	Jarang	7-8	2	10.5
	Tidak pernah	9-10	4	21.1

7	Berapa kerap anda dapati yang anda hanya mempunyai cukup-cukup wang dan hidup dari gaji ke gaji seterusnya?	Setiap masa	1-3	11	57.9
		Kadang-kadang	4-6	6	31.6
		Jarang	7-8	2	10.5
		Tidak Pernah	9-10	Tiada	Tiada
8	<u>Secara umumnya</u> , berapa tertekankah yang anda rasa dengan kewangan peribadi anda?	Tekanan melampau	1-3	6	31.6
		Tekanan tinggi	4-6	9	47.4
		Tekanan rendah	7-8	3	15.8
		Tiada tekanan langsung	9-10	1	5.3

Kesimpulan

Kajian ini memberikan pemahaman mendalam tentang cara ibu tunggal berpendapatan rendah mengurus tekanan kewangan melalui pelbagai strategi daya tindak. Berdasarkan temu bual separa berstruktur dengan 19 informan, tiga pendekatan utama dikenal pasti iaitu bantuan formal daripada agensi kerajaan dan NGO, sokongan tidak formal daripada keluarga dan komuniti, serta strategi daya tindak sendiri yang mencerminkan ketabahan, kreativiti, dan amalan kerohanian. Penemuan menunjukkan strategi daya tindak tidak bersifat tunggal, sebaliknya saling melengkapi mengikut konteks hidup dan sumber yang tersedia. Kajian ini turut menyumbang kepada literatur pembangunan sosial dengan memberi tumpuan kepada dimensi mikro seperti emosi, kesejahteraan kerohanian, dan pengalaman harian yang sering diabaikan dalam kajian konvensional.

Namun, terdapat kekangan yang perlu diakui. Skop kajian terhad kepada lokasi dan bilangan informan kecil, menyebabkan keterbatasan dalam generalisasi dapatan. Pendekatan kualitatif juga tidak membolehkan pengukuran korelasi antara pemboleh ubah. Tambahan lagi, kajian ini hanya meneliti keadaan semasa tanpa mengambil kira kesan jangka panjang strategi daya tindak terhadap kestabilan kewangan. Sebagai saranan, kajian lanjutan wajar dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif atau gabungan kaedah (*mixed-method*), termasuk kajian longitudinal, bagi menilai keberkesanan strategi dari aspek jangka panjang. Pendekatan ini mampu menyediakan gambaran lebih menyeluruh dan berasaskan data terhadap faktor yang mempengaruhi kesejahteraan ibu tunggal secara sistematik.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuka ruang penting untuk memperkukuh dasar sosial dan program intervensi lebih inklusif, dengan mengambil kira aspek ekonomi dan psikososial dalam menyokong ketahanan kewangan ibu tunggal berpendapatan rendah di Malaysia.

Penghargaan: Penulis merakamkan penghargaan kepada JKM, agensi-agensi bukan kerajaan (NGO), semua informan serta penyelia dan Universiti Sains Malaysia atas kerjasama, bimbingan serta sokongan melalui Geran Universiti Penyelidikan (RUI)

Kelulusan Etika: Kajian ini telah mendapat kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia Universiti Sains Malaysia (JEPeM-USM) (Kod: USM/JEPeM/18100451)

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Informan dimaklumkan tentang tujuan kajian dan hak mereka, manakala persetujuan bertulis diperoleh sebelum temu bual dijalankan, dengan jaminan kerahsiaan maklumat

Konflik Kepentingan: Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, N. (2021). *Stigma sosial terhadap ibu tunggal dan implikasinya terhadap kesejahteraan psikologi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, S. Y., Sabri, M. F., Rahim, H. A., & Osman, S. (2016). Mediating effect of self-coping mechanisms on associations between financial practices and financial security of female-headed households. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 19, 143–159.

- Ahmad, S. Y., Sabri, M. F., Rahim, H. A., & Osman, S. (2018). Self-coping mechanism of single mothers to achieve financial security in life. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 3, 91–102.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Alhojailan, M. I., & Ibrahim, M. (2012). Thematic analysis: A critical review of its process and evaluation. *West East Journal of Social Sciences*, 1(1), 39–47.
- Ali, M., & Akhtar, S. (2023). Coping strategies of single mothers during economic downturns: Evidence from developing economies. *Journal of Family and Economic Issues*, 44(1), 89–102. <https://doi.org/10.xxxx/jfei.2023>
- Ano, G. G., & Vasconcelles, E. B. (2005). Religious coping and psychological adjustment to stress: A meta-analysis. *Journal of Clinical Psychology*, 61(4), 461–480. <https://doi.org/10.1002/jclp.20049>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Cai, C., Lim, B., Topimin, S., Fabeil, N. F., & Hasan, H. (2023). A bibliometric analysis of single mothers. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(4), 15–27.
- Center for American Progress. (2024, May). *The economic status of single mothers*. <https://www.americanprogress.org>
- Changyan, L., Nurul, H. S., & Ahmad, F. (2023). A bibliometric analysis of single mothers. *e-Bangi Journal*, 20(4), 15–27.
- Clark, S., Henderson, M., & Kabiru, C. (2023). Single motherhood and stress in a Kenyan slum: The importance of paternal and kin support. *Journal of Family Issues*, 45(1), 3–25. <https://doi.org/10.1177/0192513X221150978>
- Conger, R. D., Elder, G. H., Jr., Lorenz, F. O., Conger, K. J., Simons, R. L., Whitbeck, L. B., Huck, S., & Melby, J. N. (1990). Linking economic hardship to marital quality and instability. *Journal of Marriage and the Family*, 52(3), 643–656. <https://doi.org/10.2307/352931>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Department of Statistics Malaysia. (2024). *Household income and basic amenities survey report 2023*. DOSM.
- Duffy, M. (2022). Single mothers and the struggle for economic security: Coping strategies and structural barriers. *Journal of Family and Economic Issues*, 43(1), 45–62. <https://doi.org/10.1007/s10834-021-09792-4>
- Economic inequality among families rising in Sweden. (2025, March 26). *Hürriyet Daily News*. <https://www.hurriyetdailynews.com>
- Folkman, S., & Moskowitz, J. T. (2004). Coping: Pitfalls and promise. *Annual Review of Psychology*, 55, 745–774. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.55.090902.141456>
- Guest, G., & Bunce, A. (2006). How many interviews are enough? An experiment with data saturation and variability. *Field Methods*, 18(1), 59–82. <https://doi.org/10.1177/1525822X05279903>
- Hamid, J. A., & Salleh, A. (2012). Cabaran dan strategi ibu tunggal dalam meningkatkan taraf ekonomi keluarga. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15, 45–55.
- Hamid, J., & Salleh, N. (2013). Challenges of single mothers in accessing social support systems in Malaysia. *Asian Journal of Social Sciences*, 41(3), 289–302. <https://doi.org/10.1177/abcd.2013.4103>
- Harknett, K., & Hartnett, C. S. (2011). Who lacks support and why? An examination of mothers' personal safety nets. *Journal of Marriage and Family*, 73(4), 861–875. <https://doi.org/10.1111/j.1741-3737.2011.00851.x>
- Hashim, R. (2012). Coping strategies among low-income households: A quantitative assessment. *Malaysian Journal of Social Policy*, 7(1), 55–72.
- Heflin, C. M., & Iceland, J. (2009). Poverty, material hardship, and depression. *Social Science Quarterly*, 90(5), 1051–1071. <https://doi.org/10.1111/j.1540-6237.2009.00648.x>
- Hobfoll, S. E. (1989). Conservation of resources: A new attempt at conceptualizing stress. *American Psychologist*, 44(3), 513–524. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.44.3.513>

- Isahak, N., Noor, N. M., & Mohd, M. (2009). Access to social protection and welfare programs among women-headed households. *International Social Work*, 52(4), 451–464. <https://doi.org/10.1177/0020872809104250>
- Jabatan Pembangunan Wanita. (2017). *Laporan statistik wanita Malaysia*. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Banci penduduk dan perumahan Malaysia 2020: Laporan ringkasan*. <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2024). *Laporan pendapatan isi rumah dan kemudahan asas 2024*. DOSM.
- Kamiya, Y. (2025). The association between single motherhood and child undernutrition in Zambia: Analysis of the 2007, 2013–14 and 2018 Demographic and Health Surveys. *BMC Public Health*, 25, Article 1439. <https://doi.org/10.1186/s12889-025-22651-1>
- Kosmo. (2022, Februari 8). Jumlah ibu tunggal di Malaysia semakin meningkat. <https://www.kosmo.com.my>
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). *Stress, appraisal, and coping*. Springer Publishing.
- Masten, A. S. (2001). Ordinary magic: Resilience processes in development. *American Psychologist*, 56(3), 227–238. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.56.3.227>
- Mat Zin, R. (2008). Poverty and coping strategies of female-headed households in Malaysia. *Akademika*, 72(1), 23–42.
- Meier, A., & Musick, K. (2022). Family structure and financial strain: Comparing single mothers in the United States and United Kingdom. *Journal of Marriage and Family*, 84(3), 672–690. <https://doi.org/10.1111/jomf.12842>
- Mohamad, A. R., & Fatmawati, M. (2020). Strategi pengurusan kewangan ibu tunggal melalui keusahawanan sosial. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 24(2), 115–128.
- Mohamad, M., & Fatmawati, I. (2020). Single mothers' livelihood challenges and survival strategies in Malaysia. *e-Bangi Journal*, 17(5), 100–110.
- Mohd Salleh, A., Rahim, H. L., & Sidek, S. (2012). Cabaran dan strategi ibu tunggal dalam meningkatkan taraf ekonomi keluarga. *Jurnal Personalia Pelajar*, 15, 45–55.
- Mulia, D. S. (2017). Cabaran ibu tunggal dalam aspek sosioekonomi di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(1), 45–58.
- Mulia, R. (2017). Informal social networks as safety nets for women in poverty. *International Journal of Social Welfare*, 26(3), 285–296. <https://doi.org/10.1111/ijsw.12256>
- Naderifar, M., Goli, H., & Ghaljaie, F. (2017). Snowball sampling: A purposeful method of sampling in qualitative research. *Strides in Development of Medical Education*, 14(3), e67670. <https://doi.org/10.5812/sdme.67670>
- Netemeyer, R. G., Warmath, D., Fernandes, D., & Lynch, J. G., Jr. (2018). How am I doing? Perceived financial well-being, its potential antecedents, and its relation to overall well-being. *Journal of Consumer Research*, 45(1), 68–89. <https://doi.org/10.1093/jcr/ucx109>
- Nieuwenhuis, R., & Maldonado, L. C. (Eds.). (2018). *The triple bind of single-parent families: Resources, employment and policies to improve well-being*. Policy Press.
- Nor, N. F. M., Zulkifli, N., & Rahman, N. H. (2023). Coping strategies among vulnerable women in Malaysia: A qualitative inquiry. *Journal of Social and Development Studies*, 24(1), 45–60.
- Nor, N. M., Hashim, I., & Ahmad, N. (2018). Masalah ekonomi dan sokongan sosial dalam kalangan ibu tunggal berpendapatan rendah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25(2), 15–28.
- Park, C. L. (2010). Making sense of the meaning literature: An integrative review of meaning making and its effects on adjustment to stressful life events. *Psychological Bulletin*, 136(2), 257–301. <https://doi.org/10.1037/a0018301>
- Prawitz, A. D., Garman, E. T., Sorhaindo, B., O'Neill, B., Kim, J., & Drentea, P. (2006). InCharge Financial Distress/Financial Well-being Scale: Development, administration, and score interpretation. *Financial Counseling and Planning*, 17(1), 34–50. <https://doi.org/10.1002/j.2161-1920.2006.tb00100.x>
- QSR International. (2020). *NVivo* (Version 12/14) [Computer software]. <https://www.qsrinternational.com/nvivo-qualitative-data-analysis-software/home>

- Rainis, R., Hashim, H., & Kaur, S. (2015). Financial vulnerability and coping mechanisms among single mothers in Malaysia. *Kajian Malaysia*, 33(2), 77–99. <https://doi.org/10.21315/km2015.33.2.4>
- Ramli, N. H., Omar, N. A., & Yusof, A. M. (2023). Financial strain and coping strategies among single mothers in urban Malaysia. *Asian Social Science*, 19(2), 101–114. <https://doi.org/10.5539/ass.v19n2p101>
- Ramli, R., Talib, N. A., & Rahman, S. (2023). Employment challenges of single mothers in Malaysia: Evidence from B40 households. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(2), 455–468. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i2/16420>
- Sabri, M. F., & Juen, T. T. (2014). The influence of financial literacy, saving behaviour, and financial management on retirement confidence among women working in the Malaysian public sector. *Asian Social Science*, 10(14), 40–47. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n14p40>
- Shukry, A. N. A. M., Zakaria, S. M., & Wan Yusof, W. N. (2024). Cabaran ekonomi ibu tunggal B40 di Selangor semasa pandemik COVID-19. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(3), 498–508.
- Soh, S., Ismail, S., & Omar, M. (2017). The role of self-control and financial literacy in determining financial well-being. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 20(S2), 77–95.
- Tach, L., & Eads, A. (2015). Income volatility and financial well-being among U.S. households. *Social Science Review*, 90(2), 368–396. <https://doi.org/10.1086/681636>
- Utusan. (2018, November 24). Kadar kemiskinan tertinggi dalam kalangan ibu tunggal. <https://www.utusan.com.my>
- Vaismoradi, M., Jones, J., Turunen, H., & Snelgrove, S. (2016). Theme development in qualitative content analysis and thematic analysis. *Journal of Nursing Education and Practice*, 6(5), 100–110.
- Yusof, N., Abdullah, N. A., & Ismail, R. (2023). Financial resilience and coping strategies among single mothers in Malaysia. *Journal of Social and Development Studies*, 24(2), 112–128.
- Yusof, W. N. W., Shukry, A. N. A. M., & Zakaria, S. M. (2023). Psychosocial challenges of B40 single mothers in Selangor during COVID-19. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 21(3), 498–508.
- Zainudin, A. (2018). Cabaran ekonomi dan sosial ibu tunggal di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(2), 65–78.
- Zakaria, N., Salleh, A., & Rahman, F. (2024). Spiritual coping and financial resilience among women in low-income households. *Journal of Religion and Health*, 63(1), 55–72. <https://doi.org/10.1007/s10943-023-01789-5>